

Headline	Sokong usaha kerajaan, IPTA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	3	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,718
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,154



Sokong usaha kerajaan, IPTA

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan atau singkatannya PALAPES, yang dulunya dikenali sebagai ROTU (Unit Latihan Pegawai Simpanan) adalah satu program kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan untuk mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Selain untuk melahirkan pegawai simpanan bagi memenuhi keperluan Angkatan Tentera, program PALAPES juga menyokong usaha kerajaan dan IPTA untuk membentuk kualiti seorang warganegara yang sempurna, berdisiplin dan mempunyai ciri untuk mempertahankan kepentingan negara.

Setiap pegawai kadet menjalani latihan selama tiga tahun secara sambilan, merangkumi latihan biasa berkaitan ketenteraan pada setiap hujung minggu dan latihan lanjutan serta latihan intensif setahun sekali secara sepenuh masa selama tiga minggu.

Program PALAPES kini merangkumi setiap cabang perkhidmatan dalam ATM, iaitu PALAPES Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera

Udara. Setakat ini, 12 IPTA menubuhkan PALAPES dan mempunyai markas latihan di universiti masing-masing.

Sejarah penubuhan

Sejarah awal PALAPES bermula dengan penubuhan Batalion Pertama Infantri Askar Wataniah Cawangan Universiti Malaya pada 3 April 1965.

Pada awal penubuhannya, seramai 30 pelajar dari pelbagai fakulti menjalani kursus Asas Rekrut di Kem Latihan Seputih, Batu Gajah, Perak, pada cuti semester.

Peristiwa 13 Mei menyaksikan kompeni ini dikembangkan ke IPTA lain dengan penubuhan Kompeni A di Institut Teknologi MARA (ITM) (kini Universiti Teknologi MARA - UiTM); Kompeni B di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) (kini Universiti Putra Malaysia) dan Kompeni C di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). UM menjadi markas batalion ketika itu.

Berikutan sambutan menggalakkan daripada mahasiswa, Pengarah Askar Wataniah, Brigadier Jeneral Datuk Abdul As Ismail mengambil inisiatif berbincang dengan Naib Canselor Universiti dan Pengarah ITM pada masa itu bagi penubuhan ROTU.

Pada 18 Disember 1978, Jawatankuasa Turus Angkatan Tentera meluluskan penubuhan ROTU dengan matlamat utama untuk melahirkan pegawai tentera sukarela dalam kalangan pensyarah, kakitangan dan mahasiswa di IPTA.

Pada 26 Februari 1979, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Turus Tentera Darat dan dihadiri oleh Naib Canselor Universiti dan Pengarah ITM diadakan untuk menubuhkan ROTU di IPTA masing-masing.

